

# Kohesi Gramatikal Penghubung dalam Karangan Berbahasa Melayu

Nurmasitah Mat Hassan\*, Jama'yah Zakaria

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,  
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.*

## Article Information

Received 1 September  
2015  
Received in revised  
form 10 December 2015  
Accepted 15 December  
2015

## Abstrak

Kohesi bermakna teks atau wacana berhubung antara satu sama lain bagi membina makna yang lebih jelas dan akhirnya dapat difahami oleh pembaca. Tiadanya kohesi dalam penulisan menyebabkan pembaca sukar memahami maklumat yang dibaca. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan aspek kohesi gramatikal dalam karangan Bahasa Melayu pelajar pada peringkat pengajian tinggi awam. Sampel kajian adalah pelajar institusi pengajian tinggi awam dengan menggunakan karangan sebagai bahan kajian. Kajian ini menggunakan Teori Fungsional Fungsi Ayat. Data kajian diperoleh daripada karangan yang ditulis oleh pelajar yang mengambil kursus penulisan dalam Bahasa Melayu. Bagi tujuan keseragaman, tajuk karangan ditentukan dan tempoh penulisan adalah enam puluh minit. Data-data dikira dalam bentuk peratus dan dihuraikan. Analisis ini hanya membincangkan kohesi gramatikal jenis penghubung sahaja. Kohesi gramatikal penghubung terbahagi kepada lima bahagian iaitu penghubung pertambahan, penghubung pertentangan, penghubung sebab-akibat, penghubung waktu dan penghubung syarat. Hasil kajian ini menunjukkan pelajar lebih banyak menggunakan kohesi gramatikal penghubung pertambahan dalam menulis karangan Bahasa Melayu.

© 2015 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

*Kata Kunci:* Karangan; Kata Penghubung; Kohesi Gramatikal

## Grammatical cohesion of conjunction in Malay essay writing

### Abstract

*Cohesion is the link between and within a text or discourse that holds the text together to build meanings which are clear and understandable for the readers. Writing without cohesion can be obscure. This study is therefore conducted to analyse the grammatical cohesion of conjunction in Malay language essay of tertiary students. Subject of the study consisted of students from a public university enrolled in a Malay writing course, and data were collected from essay written in the Malay language. This study used Theory of Functional Sentence Perspective. For the purpose of uniformity, the essay title was determined, and students were given 60 minutes to write the essay. Data were analysed, and the analysis focused only on grammatical cohesion of conjunction. There are five types of conjunction, which are addition, conflict, causality, time and condition. The results show that the students used addition conjunction the most in their essays, which indicate students' moderate level of writing skills in Malay language essay writing.*

*Keywords:* Conjunction; Essay; Grammatical cohesion;

---

\* Corresponding author. Tel.: +6013-9016143.  
E-mail address: [nur\\_masitah88@yahoo.com](mailto:nur_masitah88@yahoo.com) [Mat Hassan, N.]; [jamayah@upm.edu.my](mailto:jamayah@upm.edu.my) [Zakaria, J.].

## PENGENALAN

Kohesi adalah pertautan ayat dalam sesuatu perenggan. Kohesi boleh wujud dalam ayat, antara ayat dan juga melalui kosa kata. Kohesi wujud apabila adanya urutan daripada satu ayat kepada ayat yang lain dalam sesebuah perenggan. Hal ini bermakna, maklumat yang ditulis atau dipaparkan berkait antara satu sama lain. Perkara ini bersesuaian dengan Halliday dan Hasan (1976) yang mengatakan kohesi adalah hubungan makna yang ada dalam teks. Oleh itu, kohesi dalam penulisan penting bagi memastikan bahan dapat dibaca dengan mudah dan mesej dapat disampaikan dengan jelas. Tanpa ayat yang berkohesi, pembaca akan berasa seolah-olah mereka membaca senarai panjang yang tiada kaitan idea.

Bagi Asmah Haji Omar (1980) pula, kohesi atau tetenunan adalah kesatuan yang memperlihatkan sifat lahir teks, iaitu merujuk keadaan perkaitan kebahasaan yang ada pada teks. Menurutnya lagi, kohesi dapat dikesan dengan melihat perkataan-perkataan yang digunakan dalam ayat sesuatu perenggan. Perkataan-perkataan ini dirujuk sebagai penanda kohesi. Di samping itu juga, kohesi antara ayat dalam sesebuah perenggan juga dapat dilihat berdasarkan penggunaan kohesi gramatikal dan kohesi leksikal (Asmah Haji Omar, 1992) untuk memahamkan idea atau mesej penulis kepada pembaca.

Tambahan lagi, terdapat banyak perkataan dan frasa yang boleh mewujudkan kohesi. Salah satunya penggunaan kohesi gramatikal penghubung. Contohnya *dan, tetapi, juga, sebab* dan *walaupun bagaimanapun*. Begitu juga dengan penggunaan ganti nama, pengulangan, dan sinonim yang mampu menjelaskan mesej yang hendak disampaikan. Tiada kohesi antara ayat dalam sesuatu perenggan menyebabkan pembaca sukar untuk mengingati idea atau memahami mesej yang hendak disampaikan.

Seperti yang dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976), kohesi terbahagi kepada dua bahagian iaitu gramatikal dan leksikal. Kohesi gramatikal pula terbahagi kepada empat cabang kecil iaitu rujukan (referensi), penggantian (substitusi), penghilangan (elipsis), dan penghubung (konjungsi). Di sini, kohesi gramatikal penghubung dipilih sebagai objektif kajian.

Kohesi gramatikal penghubung pula berlaku melalui kedudukannya yang menunjukkan makna tertentu bagi hubungan perkataan atau ayat dalam teks. Contohnya, '*Aisyah suka warna biru [dan] merah*'. Penghubung *dan* merupakan bentuk atau satuan kebahasaan yang berfungsi untuk menyambung, merangkai, atau menghubungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa klausa dengan klausa, ayat dengan ayat dan seterusnya (Kridalaksana, 1978).

Umumnya, kegagalan penulis semasa menyampaikan maklumat yang berkesan mungkin disebabkan oleh tiadanya kohesi yang baik dalam penulisan. Hal ini kerana, penggunaan kohesi yang baik dalam penulisan ataupun lisan mewujudkan kesinambungan yang berterusan (Richards, 1990). Oleh itu, kegagalan dalam menghasilkan ayat-ayat yang berkohesi dalam penulisan karangan merupakan kelemahan yang ketara dalam kalangan pelajar (Che Mohd Arif, 1996).

Dalam proses penulisan, penggunaan kohesi akan lebih baik melalui kesesuaian idea dan pemikiran yang cuba disampaikan. Pada masa yang sama, penyampaian fakta yang tepat dalam penulisan turut mempengaruhi kualiti sesebuah karangan. Hal ini demikian kerana, kohesi yang merupakan penanda wacana seperti kata atau frasa perangkai membolehkan ayat-ayat dalam perenggan disusun sehingga urutan maklumat atau gagasan menjadi lancar dan tidak melompat-lompat (Awang Sariyan, 1981).

Dalam erti yang lain, kohesi merupakan satu cara untuk melihat cara susunan antara ayat, fakta dan idea dalam kenyataan atau gagasan menjadi satu huraian yang logik untuk difahami penyampaian isinya (Tarigan, 1995). Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh kedua-dua tokoh bahasa tersebut, jelaslah bahawa kohesi yang utuh dapat diwujudkan melalui cara kait-mengait antara ayat sehingga pembaca boleh merasai adanya hubungan yang bertaut. Hubungan kohesi yang dirasai itu bukan sahaja dari aspek bahasa tetapi dari segi idea yang saling berhubung antara satu ayat dengan ayat yang lainnya dalam karangan.

Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa kohesi merupakan salah satu kemahiran yang diperlukan apabila menulis. Pelbagai aspek terlibat dalam mewujudkan kohesi yang baik antaranya ayat yang jelas dan mempunyai makna, aspek teknikal seperti tatabahasa, ejaan, imbuhan dan juga tanda baca.

Lazimnya, kohesi ini wujud melalui susunan ayat dan perenggan yang saling bertaut. Susunan ayat dan perenggan yang saling bertaut ini mewujudkan gabung jalin ikatan antara maklumat lama dengan maklumat baru. Oleh itu, apabila kita menulis penulisan akademik ataupun ilmiah, aspek kohesi memainkan peranan penting sebagai salah satu cara untuk meningkatkan pemahaman pembaca tentang idea yang diutarakan.

## 1.1 Tujuan Kajian

Subjek penulisan karangan dalam Bahasa Melayu diajar pada setiap peringkat sekolah rendah hingga menengah. Namun demikian, Laporan Kupasan Mata Pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1 (karangan) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2010 yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia mendapati sebahagian besar kelemahan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam menulis karangan Bahasa Melayu adalah tidak dapat menghasilkan ayat yang mempunyai kohesi antara satu ayat dengan satu ayat yang lain. Kajian berkaitan kohesi dalam penulisan karangan berbahasa melayu telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji seperti Khathijah Abdul Hamid (1997) yang mendapati pelajar tidak dapat menghasilkan ayat yang berkohesi dalam penulisan karangan mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti salah satu aspek kohesi gramatikal iaitu kohesi gramatikal penghubung dalam karangan pelajar di universiti pendidikan tinggi awam. Kohesi gramatikal penghubung mempunyai subjenis paling banyak berbanding kohesi gramatikal yang lain. Ini menjadi faktor pelajar menggunakannya lebih kerap apabila menulis karangan sekaligus yang berfungsi sebagai data kajian.

## SOROTAN KAJIAN

Bagi menghasilkan karangan yang baik, ayat yang membentuk perenggan harus bertaut dan berkait antara satu sama lain bagi memudahkan pembaca memahami idea atau pemikiran yang hendak disampaikan. Bagi mencapai tujuan ini, penulis perlu mahir memilih kosa kata yang sesuai, membuat ayat yang menarik di samping bertatabahasa, menyusun dan mempersembahkan idea yang mampu mengikat pembaca. Selain itu juga, maklumat karangan yang dipaparkan haruslah mengandungi mesej yang jelas. Ini kerana, semua bahasa yang mempunyai sistem penulisan khususnya prihatin dengan aspek kohesi kerana aspek ini penting bagi memastikan mesej yang ditulis sampai kepada pembaca. Halliday dan Hasan (1976) yang telah mengenal pasti kohesi gramatikal telah membahagikannya kepada empat bahagian iaitu rujukan, penggantian, penghilangan dan penghubung berdasarkan penanda masing-masing.

Menurut Tarigan (1995), kajian mengenai kohesi ayat akan dapat memberikan pendedahan dan kemahiran yang berguna kepada seseorang pelajar itu untuk menghasilkan pelbagai bentuk kohesi secara bersesuaian dan teratur. Baginya, gabung jalin ayat dalam sesuatu teks akan dapat membentuk satu tahap jalinan dan kesepaduan makna yang sistematik dan berstruktur. Perkara ini juga bermakna bahawa jika sesuatu penulisan itu diolah secara bersepadu dan mempunyai kesatuan makna yang jelas, sudah tentulah hubungan makna antara ayat yang ditulis itu akan berupaya menggambarkan hubungan konstektual yang dinamik.

Bagi Abdul Jalil (2000) pula, beliau menjelaskan dalam kajiannya bahawa kebanyakan pelajar tidak berjaya menghasilkan sebuah penulisan yang baik dan berkualiti daripada segi pertautannya. Pengetahuan pelajar yang terhad tentang aspek kohesi menyebabkan mereka tidak tahu untuk menggunakan kohesi dengan baik walaupun mereka faham tentang konsep kohesi. Masalah ini sekaligus menghalang pelajar tersebut untuk menghasilkan ayat berkohesi dalam penulisan karangan. Dalam kajian ini Abdul Jalil melihat kaedah dan teknik menggabungkan ayat dalam karangan dengan menggunakan model Halliday dan Hasan sebagai petunjuk untuk menganalisis pencapaian kohesi dalam karangan.

Asma Yusoff (2003) pula menjalankan kajian yang bertajuk 'Berita Politik dalam Akhbar Bahasa Melayu: Analisis Struktur dan Kohesi'. Kajian ini mengenal pasti struktur genre wacana berita politik akhbar Bahasa Melayu di Malaysia. Kajian ini juga secara khusus mengkaji penggunaan dua alat kohesi, iaitu rujukan dan penghubung bagi mewujudkan kohesi dalam wacana berita. Sampel kajian ini terdiri daripada 200 wacana berita politik yang dipetik daripada dua akhbar utama berbahasa melayu, iaitu Utusan Malaysia dan Berita Harian. Hasil kajian ini didapati bahawa kedua-dua alat kohesi rujukan dan

penghubung memainkan peranan penting bagi mewujudkan tautan wacana berita.

Seterusnya, Siti Chodijah (2006) yang telah menggunakan beberapa majalah dan risalah berbahasa Arab mendapati sebahagian besar iklan menggunakan aspek kohesi rujukan. Pihak pengiklan banyak menggunakan rujukan ganti nama diri untuk mempromosikan produk mereka contohnya 'kami, mereka, kita, saya dia, -nya, dan ia. Rujukan ganti nama penunjuk pula digunakan oleh pengiklan apabila mereka hendak mempromosikan produk kepada pelanggan. Kohesi rujukan perbandingan pula digunakan untuk membandingkan produk mereka dengan produk keluaran syarikat lain.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Kumaran Rishnan (2006) pula, dapatan kajiannya menunjukkan karangan pelajar sekolah menengah yang menulis karangan ekpositori menggunakan lebih banyak ikatan rujukan berbanding penghubung. Beliau turut menambah lagi, daripada analisis korelasi, terdapat hubungan signifikan di antara bilangan ikatan kohesi yang digunakan dalam kualiti penulisan. Selain itu, hasil kajian beliau juga menunjukkan lebih banyak masalah wujud dalam bahagian kohesi penghubung.

Namun begitu, bahasa yang mempunyai srtuktur berlainan mewujudkan penggunaan penanda kohesi yang berlainan. Johnstone (2002) mendapati karangan yang ditulis dalam Bahasa Melayu mengandungi lebih banyak ikatan semantik antara perkataan bagi mewujudkan kohesi, contohnya reiterasi dan kolokasi. Bagi karangan yang ditulis oleh penutur jati dalam Bahasa Inggeris pula mengandungi lebih banyak ikatan sintaktik antara perkataan seperti rujukan dan penghubung (Johnstone, 2002).Kajian ini mendapati penutur bahasa yang berbeza menggunakan kaedah dan teknik yang berbeza bagi mewujudkan kohesi dalam penulisan karangan.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan data yang berupa karangan pelajar dan menggunakan kaedah analisis dokumen. Analisis dokumen ini dipilih adalah bertujuan untuk mengumpulkan data berkaitan kekerapan kohesi dalam karangan pelajar. Tambahan lagi, kaedah analisis dokumen ini dipilih kerana kesesuaiannya dengan cara data kajian dianalisis. Selain itu, kajian ini turut menggunakan Teori Fungsional Fungsi Ayat (*Theory of Functional Sentence Perspective*).

Kajian ini menggunakan 30 buah karangan yang ditulis oleh 30 orang pelajar di dalam kelas. Bagi mewujudkan keseragaman, pelajar diberi tajuk yang sama iaitu 'Faktor-Faktor Berlakunya Banjir'. Tajuk ini merupakan isu semasa yang seharusnya diketahui pelajar. Penentuan tajuk seperti ini penting bagi memastikan pelajar mempunyai idea untuk dibincangkan. Selain itu, pelajar juga tidak mempunyai masa untuk membuat rujukan kerana tempoh menulis yang diberikan hanyalah 60 minit. Hasil penulisan pelajar dianalisis mengikut subjenis kohesi gramatikal penghubung. Penanda bagi kohesi penghubung yang digunakan akan diberi kategori dan dikira bagi mendapatkan jumlah kekerapan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Penanda penghubung berfungsi sebagai cara untuk menjalinkan atau menghubungkan unsur-unsur dalam linguistik seperti perkataan, frasa atau ayat yang terdapat dalam wacana tulisan seperti karangan. Penanda kohesi gramatikal penghubung terdiri daripada penghubung tambahan, berlawanan, sebab-akibat, waktu dan syarat. Jadual 1 menunjukkan kohesi gramatikal penghubung dalam karangan pelajar institusi pengajian tinggi awam yang dikaji.

**Jadual 1.** Kekerapan keseluruhan kohesi gramatikal penghubung dalam karangan pelajar.

Jenis Kohesi Penghubung	Kekerapan (%)
Pertambahan	517 (35.5)
Pertentangan/Lawanan	159 (10.9)
Sebab-Akibat	401 (27.5)
Waktu	290 (19.9)
Syarat	89 (6.1)
Jumlah Besar	1456 (100)

Berdasarkan Jadual 1, hasil kajian menunjukkan semua kelima-lima jenis kohesi penghubung digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pelajar kerap menggunakan kohesi penghubung pertambahan dengan kekerapan peratusannya adalah sebanyak 35.5%, penghubung sebab dan akibat 27.5%, penghubung pertentangan 10.9%, penghubung waktu dan penghubung syarat yang masing-masing mengumpulkan peratusan sebanyak 19.9% dan 6.1%.

Kebarangkalian tajuk karangan yang menjurus kepada genre penerangan menjadi faktor pelajar banyak menggunakan penanda kohesi penghubung pertambahan di samping penggunaannya yang betul. Oleh itu, penggunaan penanda kohesi yang betul mambantu ayat yang dihasilkan saling bersambung (Richards, 1990). Hal ini telah menyumbang kepada dapatan kajian yang menunjukkan penanda kohesi gramatikal penghubung pertambahan mempunyai jumlah kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 517 (35.5%).

Selain itu, karangan jenis penerangan ini juga kurang melibatkan penggunaan penanda gramatikal penghubung syarat kerana kebiasaannya kohesi jenis ini banyak digunakan apabila menghasilkan sesuatu ayat atau pertuturan yang menjurus kepada sebab dan akibat. Hal ini bersesuaian dengan dapatan kajian yang menunjukkan kohesi gramatikal penghubung syarat ini mengumpul jumlah kekerapan penggunaan yang paling rendah iaitu sebanyak 89 (6.1%).

Seterusnya, kelima-lima aspek kohesi gramatikal penghubung akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah berdasarkan jumlah kekerapan yang paling tinggi ke kekerapan yang paling rendah.

#### 4.1 Kohesi Gramatikal Penghubung Pertambahan

Kohesi gramatikal penghubung pertambahan berfungsi sebagai penghubung maklumat tambahan terhadap sesuatu perkara yang diperkatakan sebelumnya. Contoh penanda kohesi gramatikal penghubung pertambahan yang terdapat dalam Bahasa Melayu ialah *dan*, *malahan*, *tambahan pula*, *lebih-lebih lagi* dan *di samping itu*. Jadual 2 menunjukkan kekerapan penggunaan kohesi gramatikal penghubung pertambahan dalam penulisan karangan pelajar.

Jadual 2 menunjukkan penanda kohesi penghubung pertambahan yang paling kerap digunakan ialah *dan* iaitu sebanyak 88 (17.0%) dan diikuti oleh penanda *selain itu* dengan jumlah 61 (11.8%). Kohesi gramatikal penghubung pertambahan yang sinonim dengan *dan* iaitu *serta* digunakan sebanyak 6 kali oleh pelajar dalam data yang dikaji. Kohesi penghubung yang paling sedikit digunakan ialah *begitu juga*, *sehubungan itu*, dan *serta*. Walaupun pelajar menggunakan penanda kohesi dengan betul dalam penulisan karangan tetapi didapati lemah dalam jalinan maklumat menyebabkan ayat menjadi tidak gramatis. Hal ini kerana, adanya pelajar yang tidak berjaya menghasilkan ayat yang gramatis malah wujud kesalahan tatabahasa (Majid Ramlih & Ayob Razali, 2003).

**Jadual 2.** Kekerapan koehsi gramatikal penghubung pertambahan dalam karangan.

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Penanda Kohesi</b>	<b>Kekerapan (%)</b>
1	Dan	88 (17.0)
2	Iaitu	24 (4.6)
3	Selain itu	61 (11.8)
4	Di samping	21 (4.1)
5	Hal ini	19 (3.7)
6	Di samping itu	31 (6.0)
7	Ataupun	15 (2.9)
8	Atau	79 (15.3)
9	Lazimnya	11 (2.1)
10	Yakni	12 (2.3)
11	Selain daripada itu	14 (2.7)
12	Malah	17 (3.3)
13	Misalnya	9 (1.7)
14	Sebagai contoh	11 (2.1)
15	Contohnya	15 (2.9)
16	Tambahan pula	12 (2.3)
17	Malahan	13 (2.5)
18	Tambahan lagi	19 (3.7)
19	Begitu juga	6 (1.2)
20	Sehubungan dengan itu	6 (1.2)
21	Serta	6 (1.2)
22	Seterusnya	12 (2.3)
23	Sambil itu	16 (3.1)
Jumlah Besar		517 (100)

Jalinan maklumat yang tidak begitu baik dikenalpasti berdasarkan penemuan dalam karangan pelajar yang menggunakan penanda koehsi bagi memanjangkan ayat sahaja dan bukannya untuk menjalin keseluruhan idea dalam perenggan. Hal ini menyebabkan maklumat kurang jelas kepada pembaca untuk memahami mesej yang cuba disampaikan oleh penulis.

## **4.2 Koehsi Gramatikal Penghubung Sebab-Akibat**

Wong (1993) mengatakan dalam sesebuah teks seperti karangan, koehsi gramatikal penghubung sebab-akibat dapat dilihat melalui penggunaan penanda kata koehsi yang telah dikenal pasti jenis penandanya. Berdasarkan data kajian, terdapat 15 jenis penanda kata koehsi gramatikal penghubung sebab-akibat yang digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka. Jadual 3 menunjukkan penanda koehsi gramatikal penghubung sebab-akibat yang digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan.

**Jadual 3.** Kekerapan kohesi gramatikal penghubung sebab-akibat dalam penulisan karangan.

Bil.	Jenis Penanda Kohesi	Kekerapan (%)
1	Kerana	51 (12.7)
2	Oleh itu	45 (11.2)
3	Hal yang demikian	20 (4.9)
4	Kesimpulannya	28 (7.0)
5	Jadi	29 (7.2)
6	Justeru	23 (5.7)
7	Dengan itu	29 (7.2)
8	Dengan ini	24 (6.0)
9	Oleh yang demikian	20 (4.9)
10	Lantaran itu	20 (4.9)
11	Secara kesimpulannya	20 (4.9)
12	Ini kerana	17 (4.2)
13	Dengan cara ini	12 (3.0)
14	Oleh sebab itu	32 (8.0)
15	Maka	31 (7.7)
Jumlah Besar		401 (100)

Hasil kajian menunjukkan pelajar kerap menggunakan kohesi penghubung *kerana* sebanyak 51 (12.7%), *oleh itu* sebanyak 45(11.2%) dan *oleh sebab itu* sebanyak 32 (8.0%) sebagai penanda kohesi dalam penulisan karangan mereka berbanding dengan penanda kata penghubung yang lain. Pemilihan penanda kohesi gramatikal penghubung yang terhad menunjukkan pengetahuan dan kelaziman pelajar yang terhad tentang variasi kohesi gramatikal penghubung sebab-akibat. Pengetahuan penulis yang terhad berkaitan kohesi ini boleh menyebabkan timbulnya perasaan bosan dalam diri pembaca. Hal ini kerana, penggunaan penanda kohesi yang sama oleh penulis boleh mengakibatkan pembaca berasa kurang menarik berkaitan bahan yang dibaca walaupun difahami teks dan mesejnya. Perenggan karangan di bawah merupakan contoh penggunaan kohesi gramatikal penghubung sebab-akibat dalam karangan pelajar yang dipilih secara rawak.

**Contoh 1:**

Selain itu, sikap manusia juga menjadi faktor kejadian banjir cepat berlaku (1a). Sikap seperti tidak bertanggungjawab dengan persekitaran dan kebersihan menjadi faktor berlakunya kejadian banjir (1b). Pencemaran sungai akibat daripada pembuangan sampah sarap menjadikan sungai semakin mendap, malah menjadikan sungai tersumbat pada salirannya (1c). Ditambah pula dengan kerja-kerja pembersihan sungai yang tidak dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab (1d). Hal yang demikian akan menjadikan kejadian banjir akan senang berlaku (1e).

Berdasarkan contoh karangan 1 di atas, kekerapan penggunaan jenis kohesi konjungsi sebab dan akibat melibatkan penanda kata kohesi dua jenis penanda iaitu ‘akibat’ dan ‘hal yang demikian’. Kata *akibat* dalam ayat ‘Pencemaran sungai akibat daripada pembuangan sampah-sarap menjadikan sungai semakin mendap, malah menjadikan sungai tersumbat pada salirannya.’Maksud ‘akibat’ di dalam ayat tersebut merujuk kepada sikap manusia yang membuang sampah ke dalam sungai yang berfungsi sebagai sebab manakala, sungai yang termendap adalah akibat daripada sikap manusia. Dalam contoh karangan 1 di atas juga menunjukkan perkataan *akibat* dan *hal yang demikian* yang digunakan sekali sahaja dalam perenggan tersebut dan didapati sesuai kerana penulis menjelaskan rentetan atau kesan daripada cerita sebelumnya. Penggunaan kohesi yang betul dalam penulisan karangan di atas membantu pembaca

memahami isi karangan dengan lebih lancar tanpa sebarang gangguan (Richards, 1990).

### 4.3 Kohesi Gramatikal Penghubung Waktu

Kohesi gramatikal penghubung waktu adalah kohesi yang menghubungkan ayat yang berurutan dan memberikan gambaran inti dalam ayat. Contoh penanda kata kohesi penghubung waktu dalam sesebuah teks termasuklah *kemudian*, *selepas itu*, *sebelum*, *apabila*, *selepas*, dan *sementara itu*. Jadual 4 menunjukkan sebanyak 20 jenis penanda kata kohesi penghubung waktu digunakan oleh pelajar institusi pengajian tinggi awam ini berdasarkan karangan yang dikaji.

**Jadual 4.** Kekerapan kohesi gramatikal penghubung waktu dalam penulisan karangan.

Bil.	Jenis Penanda Kohesi	Kekerapan (%)
1	Seterusnya	21 (7.2)
2	Akhirnya	16 (5.5)
3	Selepas	20 (6.9)
4	Pada masa sekarang	10 (3.4)
5	Kedua	12 (4.1)
6	Sebelum itu	11 (3.8)
7	Pada masa akan datang	11 (3.8)
8	Semasa	21 (7.2)
9	Kini	23 (7.9)
10	Pada masa kini	12 (4.1)
11	Kelak	16 (5.5)
12	Pada masa itu	11 (3.8)
13	Sementara itu	12 (4.1)
14	Baru-baru ini	23 (7.9)
15	Sejak	14 (4.8)
16	Sejak kebelakangan ini	13 (4.5)
17	Pertama	11 (3.8)
18	Akhir kata	11 (3.8)
19	Pada permulaan	11 (3.8)
20	Kemudiannya	11 (3.8)
Jumlah Besar		290 (100)

Jadual 4 menunjukkan penanda kohesi penghubung waktu yang kerap digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka. Kata *kini* digunakan sebanyak 23 kali (7.9%), *seterusnya* 21 (7.2%), *semasa* 21 (7.2%) dan *selepas* 20 (6.9%). Walaupun jurang penggunaan antara penanda kata kohesi penghubung waktu tidak besar namun, ia menunjukkan kecenderungan pelajar untuk menggunakan beberapa penanda kohesi yang sama. Hal ini menggambarkan keterbatasan pengetahuan ataupun kelaziman pelajar untuk menggunakan penanda kata kohesi penghubung waktu yang lain semasa mengarang. Walaupun begitu, sebuah penulisan mestilah mengutamakan kohesi sebagai aspek utama untuk menghasilkan kesinambungan dan keestektualan dalam penulisan atau lisan (Renkema, 1993). Penggunaan kohesi gramatikal penghubung waktu ini dapat dilihat dalam contoh perenggan karangan yang di bawah.

#### Contoh 2:

*Kebelakangan ini*, di negara-negara Asia Tenggara berlakunya kejadian banjir (2a). Banjir merupakan proses kenaikan paras air ke takat maksimum yang melebihi paras air biasa (2b). Sebagai contoh, negara yang dilanda banjir kini ialah Malaysia (2c). Kenaikan air di negeri-



negeri seperti Pahang, Terengganu, Johor dan Kelantan amat membimbangkan rakyat dan negara (2d). Faktor-faktor yang telah mempercepatkan banjir disebabkan oleh musim tengkujuh di Malaysia (2e). Pada waktu itu, takat paras air naik secara mendadak yang akhirnya menyebabkan berlakunya banjir (2f).

Berdasarkan contoh di atas, pelajar berjaya menggunakan penanda kohesi ini bagi mewujudkan kekohesian antara ayat yang dikemukakan. Sebagai contoh, perkataan *kini* dalam ayat ‘*Sebagai contoh, negara yang dilanda banjir kini ialah Malaysia.*’ di perenggan di atas membawa maksud pada masa ini ataupun pada masa sekarang. *Kini* dalam ayat tersebut berfungsi sebagai penanda kohesi waktu kerana perkataan *kini* merujuk kepada keadaan terbaru di Malaysia yang merupakan contoh salah sebuah negara di Asia Tenggara yang mengalami masalah banjir akibat daripada kesan musim tengkujuh yang dinyatakan dalam ayat sebelumnya iaitu ayat 2(b). Bagi penanda kohesi penghubung waktu *akhirnya* dalam ayat “*Pada waktu itu, takat paras air naik secara mendadak yang akhirnya menyebabkan berlaku banjir.*” dapat menerangkan tentang kohesi waktu yang merupakan kesan jangka masa pendek akibat kenaikan air yang mendadak sehingga terjadinya banjir.

#### 4.4 Kohesi Gramatikal Penghubung Perlawanan

Dalam penulisan karangan, kohesi penghubung perlawanan berfungsi untuk menyatakan hubungan yang bertentangan atau yang berlawanan antara ayat dalam sesebuah teks (Wong, 1993). Hubungan ini terjadi apabila wujudnya keadaan yang menyebabkan sesuatu klausa atau ayat meniadakan klausa atau ayat yang lain. Contohnya seperti ayat ini, “Dia terasa selesa sejenak, *tetapi* terasa tapak kakinya itu berpisar, lalu dituturkannya semula” (Wong, 1993).

Kata *tetapi* merupakan penanda kohesi penghubung perlawanan yang digunakan dalam ayat contoh di atas menunjukkan berlakunya situasi yang saling bertentangan. Selain *tetapi*, penanda kata kohesi penghubung perlawanan yang lain yang digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan yang dikumpul adalah *walaupun*, *di sebaliknya*, *namun*, *sebenarnya*, *sebaliknya*, *walau bagaimanapun*, *namun demikian*, *akan tetapi* dan *namun begitu*. Berdasarkan data yang dikaji, terdapat 10 jenis penanda kata kohesi penghubung perlawanan yang digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan. Jadual 5 menunjukkan kekerapan penghubung perlawanan yang ditemui dalam karangan pelajar.

**Jadual 5.** Kekerapan kohesi gramatikal penghubung perlawanan dalam karangan.

Bil.	Jenis Penanda Kohesi	Kekerapan (%)
1	Tetapi	44 (27.7)
2	Walaupun	18 (11.3)
3	Di sebaliknya	11 (6.9)
4	Namun	11 (6.9)
5	Sebenarnya	11 (6.9)
6	Sebaliknya	18 (11.3)
7	Walau bagaimanapun	12 (7.5)
8	Namun demikian	11 (6.9)
9	Akan tetapi	12 (7.5)
10	Namun begitu	11 (6.9)
Jumlah Besar		159 (100)

Berdasarkan Jadual 5 di atas, penanda kata penghubung perlawanan *tetapi* paling kerap digunakan iaitu sebanyak 44 kali (27.7%). Pelajar juga kerap menggunakan penanda kata *walaupun* iaitu sebanyak 18 kali (11.3%) dan perkataan *sebaliknya* 18 kali (11.3%). Ketiga-tiga jenis penanda ini menjadi

pilhan pelajar dalam menghubungkan ayat mungkin kerana kelaziman mereka menggunakan penanda ini berbanding penanda yang lain apabila menulis. Jumlah ini menjadikan penanda kohesi *tetapi*, *walaupun* dan *sebaliknya* menduduki jumlah kekerapan yang paling tinggi bagi keseluruhan penanda kohesi gramatikal perlawanan yang ditemui dalam analisis data. Selain itu, analisis ayat yang menggunakan penanda kohesi gramatikal penghubung perlawanan dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan contoh ayat 3 yang dipaparkan.

### Contoh 3:

Selain itu, kejadian banjir juga berlaku disebabkan oleh kejadian tanah runtuh yang mana merupakan ketamakan manusia itu sendiri (3a). Bukit-bukit digondol dan menyebabkan tanah tergelongsor yang mana mempercepatkan lagi banjir (3b) Selain itu, longkang dan parit yang tersumbat dengan sampah-sarap menyebabkan air hujan tidak mengalir dengan baik (3c). *Sebenarnya*, penyebab utama yang mempercepatkan banjir adalah disebabkan oleh kelalaian manusia itu sendiri (3d). Manusia kini yang terlalu tamak dalam mengejar dunia sehingga sanggup mengorbankan alam sekitar (3e). Jika keadaan banjir semakin teruk mulalah menunding jari antara satu sama lain daripada duduk semeja bagi menyelesaikan masalah (3f). Kesimpulannya, proses yang boleh menyebabkan cepatnya berlaku banjir boleh di elak jika saling bekerjasama antara satu sama lain (3g).

Dalam contoh 5, kata *sebenarnya* dalam ayat berfungsi sebagai kohesi antara ayat '*penyebab utama yang mempercepatkan banjir adalah disebabkan oleh kelalaian manusia itu sendiri*' dengan ayat sebelumnya iaitu '*Selain itu, longkang dan parit yang tersumbat dengan sampah sarap menyebabkan air hujan tidak mengalir dengan baik*'. Dalam perenggan karangan di atas, kata '*sebenarnya*' adalah untuk menerangkan bahawa punca utama banjir berlaku lebih cepat bukan disebabkan longkang dan parit yang tersumbat tetapi sikap negatif manusia itu sendiri iaitu sikap lalai.

## 4.5 Kohesi Gramatikal Penghubung Syarat

Kohesi gramatikal penghubung syarat adalah kohesi yang bertugas untuk menunjukkan suatu hubungan syarat dalam sesuatu ayat. Penanda kohesi gramatikal penghubung syarat antaranya adalah *jika*, *kalau*, *apabila* dan *kecuali*. Berdasarkan data, hanya tiga penanda kohesi penghubung syarat yang ditemukan dalam penulisan karangan pelajar. Perkara ini menunjukkan pelajar kurang menggunakan kohesi ini dalam penulisan karangan. Jadual 6 menunjukkan kekerapan penggunaan kohesi ini dalam penulisan karangan.

**Jadual 6.** Kekerapan penggunaan kohesi penghubung syarat dalam penulisan karangan.

Bil.	Jenis Penanda Kohesi	Kekerapan (%)
1	Jika	49 (55.7)
2	Sekiranya	27 (30.7)
3	Jika tidak	13 (13.7)
	Jumlah Besar	89 (100)

Tiga penanda kohesi penghubung syarat yang ditemui dalam karangan pelajar adalah *jika* sebanyak 49 (60.4%), *sekiranya* 27 (35.4%) dan *jika tidak* sebanyak 13 (4.1%). Hasil analisis data menunjukkan penanda kohesi penghubung syarat ini banyak ditemui berdasarkan penghasilan ayat karangan yang lebih ringkas oleh pelajar. Namun begitu, penanda kohesi ini juga ditemui melalui ayat karangan yang meleret-leret tetapi agak sedikit berbanding ayat yang ringkas. Hal ini kerana, pelajar yang menulis ayat karangan yang ringkas ini banyak menggunakan penanda kohesi berbanding pelajar yang menulis ayat yang panjang.

Tambahan lagi, jenis karangan yang ditulis merupakan karangan jenis penerangan. Hal ini bersesuaian dengan tajuk karangan bahan kajian yang memerlukan pelajar menjelaskan tentang faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena banjir. Justeru, karangan jenis ini memerlukan kejelasan hurain yang memungkinkan menjadi faktor penghasilan ayat yang meleret-leret oleh sebilangan pelajar.

Seterusnya, dapatan kajian juga turut menunjukkan kohesi ini mengumpul kekerapan penggunaan berjumlah 89 kali (100%) secara keseluruhannya. Lazimnya, pelajar hanya menggunakan penanda kohesi penghubung syarat ini bersesuaian dengan idea yang dikemukakan dalam penulisan karangan mereka. Contoh penggunaan kohesi gramatikal penghubung waktu dalam penulisan karangan adalah seperti di bawah.

#### **Contoh 4:**

Faktor kedua yang menyebabkan banjir adalah disebabkan oleh ketinggian kedudukan lembah (4a). Ketinggian kedudukan sesuatu lembah ini juga memberi pengaruh besar kepada berlakunya kejadian banjir yang biasa ataupun buruk (4b). Hal ini kerana, kawasan yang terletak di lembah yang rendah sangat berisiko tinggi sebagai tempat berlakunya banjir *sekiranya* jumlah hujan yang turun dalam kuantiti yang maksimum tetapi dalam jangka masa yang minima (4c). *Jika* hujan turun secara berterusan, mungkin keadaan ini akan menyebabkan paras air meningkat secara mendadak dan seterusnya menyebabkan berlakunya kejadian banjir (4d).

Berdasarkan analisis dalam perenggan karangan di atas, didapati pelajar boleh menggunakan kohesi penghubung syarat dengan betul. Jenis penanda kohesi gramatikal penghubung syarat yang ditemui dalam perenggan di atas ialah *sekiranya* dan *jika*. Penggunaan penanda kohesi gramatikal syarat *sekiranya* dalam ayat ini adalah untuk menunjukkan kewujudan kekohesian antara ayat berkaitan hujan lebat dengan kawasan lembah yang rendah. Kata *sekiranya* dapat dilihat fungsinya sebagai penanda kohesi penghubung syarat apabila ayat '*Ini kerana, kawasan yang terletak di lembah yang rendah sangat berisiko tinggi sebagai tempat berlakunya banjir sekiranya jumlah hujan yang turun dalam kuantiti yang maksimum tetapi dalam jangka masa yang minima*' merujuk kepada syarat berlakunya banjir di kawasan lembah yang rendah apabila hujan turun dengan kuantiti yang banyak dalam masa yang singkat.

Secara keseluruhannya, berdasarkan data 30 buah karangan yang dianalisis, didapati pelajar banyak menggunakan kohesi gramatikal penghubung pertambahan. Hal ini dapat dibuktikan melalui penggunaan jumlah kohesi gramatikal penghubung pertambahan yang mengumpul kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 517 kali (35.2%). Diikuti pula dengan kohesi gramatikal penghubung sebab-akibat 413 kali (28.2), kohesi gramatikal penghubung waktu 290 kali (19.8), kohesi gramatikal penghubung perlawanan 159 kali (10.3). Kohesi gramatikal penghubung syarat pula merupakan jenis kohesi yang paling sedikit digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan iaitu hanya sebanyak 89 kali (6.1%).

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis dapatan kajian juga didapati pelajar paling banyak menggunakan kohesi gramatikal penghubung pertambahan dalam menghubungkan setiap ayat karangan mereka. Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai pengetahuan yang banyak mengenai jenis kohesi gramatikal penghubung pertambahan berbanding jenis kohesi gramatikal penghubung yang lain. Namun begitu, dapatan juga menunjukkan terdapat pelajar yang gagal menghasilkan ayat yang baik walaupun boleh menggunakan penanda kohesi dengan betul. ni menyebabkan mesej yang hendak disampaikan menjadi tidak jelas. Akibatnya, hasil karangan pelajar tidak memuaskan kerana pengetahuan mereka tentang penggunaan kohesi yang terhad (Siti Nurhajariah Md Isa, 2014).

Selain itu, penggunaan kohesi oleh pelajar institusi pengajian tinggi awam dalam penulisan karangan ini menunjukkan hasil yang positif. Walaupun begitu, masih terdapat pelajar yang gagal menghasilkan ayat yang berkohesi walaupun penanda kohesinya betul. Oleh itu, pendedahan mengenai cara menghasilkan ayat yang ada kohesi antara satu sama lain amat perlu kepada pelajar supaya karangan

yang dihasilkan saling bertaut ayat, mesej dan maknanya. Sejalan dengan dapatan kajian yang diperolehi ini menunjukkan objektif kajian ini telah terjawab. Hasil, terdapatnya penggunaan aspek kohesi gramatikal penghubung dalam penulisan karangan pelajar institusi pengajian tinggi awam ini walaupun wujud perbezaan. Hal ini jelas menunjukkan walaupun pelajar berada pada tahap pendidikan yang sama tetapi tahap kemahiran menggunakan aspek kohesi semasa mengarang karangan antara mereka berbeza-beza.

Secara keseluruhannya pula, rumusan dapat dibuat dengan melihat penggunaan kohesi gramatikal penghubung sama ada saling berhubung atau sekadar susunan maklumat sahaja. Hal ini kerana terdapat karangan yang menggunakan penanda kohesi dengan betul tetapi tidak berjaya mewujudkan idea yang berkesinambungan. Walaupun pelajar menggunakan penanda kohesi yang betul semasa menulis, namun karangan tersebut kurang mantap kerana kegagalan mereka untuk mewujudkan ayat bertaut. Akibatnya, pembaca menghadapi masalah dalam proses memahami intipati maklumat yang dibaca. Oleh itu, tidak dapat dinafikan pentingnya pengetahuan berkaitan kohesi oleh pelajar untuk menghasilkan karangan yang berkualiti dan sistematik susunannya. Hal ini kerana, kegagalan membentuk ayat-ayat yang berkohesi merupakan antara kelemahan yang ketara para pelajar apabila menulis karangan (Che Mohd Arif, 1996). Sejalan dengan itu, pengajaran dalam penulisan karangan khususnya Bahasa Melayu perlulah diberi perhatian berkaitan aspek kohesi dan cara mengaplikasikannya dalam penulisan karangan.

Seterusnya, diharap kajian ini boleh memberikan sedikit sebanyak tambahan ilmu kepada mereka yang memerlukan maklumat berkaitan kohesi. Selain itu, diharap juga kajian tentang kohesi dapat dipelbagaikan lagi cabangnya untuk kajian yang akan datang. Hal ini sekaligus boleh meluaskan lagi pendedahan ilmu tentang kohesi bagi membantu penulis terutama pelajar menulis karangan. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengembangan ilmu berkaitan kohesi dapat diperluas lagi kepada pengkaji lain dengan menjadikan kajian ini sebagai salah satu rujukan tambahan. Akhir sekali, kajian analisis kohesi dalam penulisan karangan ini diharap memberi kesan yang baik dalam aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu khususnya berkaitan konsep kohesi dan fungsinya dalam penulisan. Justeru, pengenalan aspek kohesi yang dikaji juga boleh dijadikan sebagai satu rujukan dalam menghasilkan penulisan karangan yang berkohesi. Contohnya, hasil kajian ini boleh digunakan oleh tenaga pengajar Bahasa Melayu sebagai input tambahan untuk rancangan bagi proses meningkatkan penguasaan mengarang dalam kalangan pelajar di pelbagai institusi pendidikan di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman. (2000a). *Kajian Pertautan Ayat Dalam Penulisan Karangan: Satu Kohesi*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Jalil Othman. (2000b). Kajian Pertautan Ayat Dalam Penulisan Karangan: Satu Pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44(6), 658-681.
- Asma Yusoff. (2003). *Berita Politik dalam Akhbar Bahasa Melayu: Analisis Struktur dan Kohesi*. Tesis Ph. D. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar. (1980). Analisis Wacana (Bahagian Pertama). *Dewan Bahasa, Mac*, 11-25.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1981). Pembinaan Wacana Berita yang Berkesan dalam Hubungan dengan Pembakuan. *Jurnal Dewan Bahasa, Disember*, 109-118.
- Che Mohd Arif Mohd Yusof. (1996). Penggunaan Penanda Wacana dalam Kemahiran Mengarang. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41(11), 1032-1044.
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman Group Limited.
- Johnstone, B. (2002). *Discourse Analysis*. Malden, MA: Blackwell Publishing.
- Khathijah Abdul Hamid. (1997). *Analisis Kohesi Dan Koheren Dalam Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat Di Sebuah Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan, Universiti Malaya.
- Kumaran, R. (2006). *Wacana Bahasa Tamil: Analisis Kohesi Dalam Esei Pelajar Tingkatan Lima*. Fakulti Bahasa Dan Linguistik. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Kridalaksana, H. (1978). *Keutuhan Wacana Bahasa dan Sastra*, iv (1), 337-343.

- Majid Ramlih & Ayob Razali. (2003). *Analisis Koheren dan Kohesi Berdasarkan Tautan Ayat dalam Penulisan Karangan: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat*. (Tesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Renkema, J. (1993). *Introduction to Discourse Studies*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Richards, J. C. (1990). *The Language Teaching Matrix*. New York: Cambridge University Press.
- Siti Chodijah. (2006). *Analisis Koherensi dan Kohesi dalam Wacana: Studi Kasus pada Wacana Fiksi 'Dongeng Sato Kewan'* (Skripsi Depok). Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya: Univesitas Indonesia.
- Siti Nurhajariah Md Isa. (2014). *Kohesi Penghubungan dalam Karangan Arab Pelajar: Satu Analisis Wacana*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Tarigan, H.G. (1995). *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Wong, K. S. (1993). Pautan dan Pembinaan Teks dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Dewan Bahasa, April*, 306-314.

